

CORAK DAN SIMBOL DALAM KESENIAN NEGERI CHINA

Oleh:
NORSHITA BINTI A. RASHAD
92367958

KAJIAN SENI LUKIS DAN SENI REKA
INSTITUT TEKNOLOGI MARA
40450 SHAH ALAM
SELANGOR DARUL EHSAN

Penghargaan

Terlebih dahulu saya memanjatkan kesyukuran kehadrat Illahi kerana dengan limpah dan kurnia maka tesis ini dapat disiapkan dengan jayanya. Saya berharap agar usaha yang kerdil ini sedikit sebanyak dapat memberi pengetahuan yang berguna kepada pembaca semua.

Penghargaan iklas yang tidak terhingga buat ayah dan emak serta seluruh ahli keluarga di atas dorongan serta semangat yang sering ditiupkan buat saya. Terima kasih diucapkan.

Saya mengucapkan ribuan terima kasih terutama kepada penasihat tesis iaitu Puan Zaharah Ahmad Osman di atas tunjuk ajar dan panduan berguna semasa proses penyediaan tesis ini.

Ucapan terima kasih juga kepada pihak-pihak yang telah membantu dalam merealisasikan penulisan tesis ini. Semoga usaha-usaha mereka akan diberkati dan akan mendapat balasan kelak. Insya Allah.

1. Muzium Negara
2. Perpustakaan Negara Malaysia
3. Perpustakaan Negeri Shah Alam
4. Dewan Bahasa dan Pustak
5. Kakitangan Perpustakaan ITM
6. Muzium Melaka

Terima kasih juga diucapkan kepada semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak. Kepada rakan-rakan seperjuangan yang sama-sama bertungkus lumus menyiapkan tesis ini. Juga untuk yang teristimewa terima kasih atas segala pertolongan dan tunjuk ajar.

Sekian Terima Kasih.

Sinopsis

Skop Kajian

Tesis ini dihasilkan adalah untuk mengenali simbol-simbol yang menjadi corak di setiap hasil rekaan masyarakat cina. Corak pada hasil rekaan cina diketengahkan disini. Supaya masyarakat tahu di setiap corak pada hasil rekaan cina mempunyai sesuatu yang unik kerana ia mempunyai cerita yang panjang mengenai simbolnya dan kaya dengan hasil seninya.

Di dalam tesis ini juga terdapat maksud-maksud simbol dan rajah-rajab simbol. Motif-motif yang sering digunakan seperti naga, burung phoenix, api, awan, ombak dan lain-lain lagi sering kelihatan di dalam hasil rekaan cina seperti tekstil, tembikar, jade and tembaga. Di setiap hasil rekaan cina terdapat motif-motif yang menarik dan sesetengahnya pula mempunyai cerita-cerita sejarah.

Corak dan Simbol dipertengahkan di dalam tesis ini kerana simbol merupakan corak di dalam hasil rekaan cina. Juga supaya masyarakat tidak lupa tentang keunikan simbol-simbol cina.

Justeru itu adalah diharap agar pihak-pihak tertentu seperti orang perseorangan ataupun pengusaha-pengusaha batik dapat menjadikan tesis ini sebagai suatu petunjuk di dalam memperluaskan lagi penggunaan motif-motif cina.

Di samping itu saya juga menjalankan eksperimen untuk membuat simbol-simbol cina seperti naga, api, awan dan ombak di dalam projek 1, 2, 3 dan 4. Di dalam setiap projek penerangan adalah ditulis di dalam bentuk-bentuk bab-bab yang berkait di antara satu dengan yang lain. Penerangan disertakan dengan gambar.

Di dalam bab yang terakhir, saya muatkan rumusan yang saya paparkan sebagai kesimpulan dari kajian ini dan juga pendapat saya sendiri. Adalah diharapkan menerusi penerangan-penerangan ini para pembaca dapat memahami tentang apa yang digariskan dengan jelas.

Kaedah

Penulis menggunakan beberapa kaedah dalam membentuk penulisan tesis ini, antaranya:

i. **Kaedah temubual**

Penulis telah menemui beberapa orang yang telibat samada secara langsung atau tidak di dalam bidang ini seperti beberapa orang tokoh seni cina dan beberapa orang berbangsa cina.

ii. **Kaedah pengumpulan data**

Penulis telah mengumpulkan data-data iaitu dari buku-buku rujukan, majalah, keratan-keratan akhbar dan kamus .

iii. **Kaedah pemerhatian**

Penulis juga sedikit sebanyak mendapat maklumat melalui pemerhatian secara rambang di rumah-rumah dan di kedai-kedai orang cina di mana masih terdapat simbol-simbol dalam hasil seni mereka.

iv. **Kaedah eksperimen**

Menggunakan motif-motif naga, awan, api dan ombak sebagai eksperimen di atas kain.

Isi Kandungan

Tajuk	Muka Surat
Penghargaan	i
Sinopsis	ii
Bab 1 - 1.1 Pendahuluan	1
1.2 Hipotesis	1
1.3 Sejarah Awal Corak China	1
Bab 2 - 2.1 Definisi Simbol Corak Dan Kesenian	2
2.2 Kaitan Simbol Dan Corak	2
2.3 Maksud-maksud Simbol Berserta Gambarajah	3
a. 12 Simbol Kekuasaan	4
b. Garisan Dan Rekacorak Geometrik	5
c. Rekacorak Berasal Dari Zaman Dulukala	7
d. Rekacorak Berasal Dari Taoism	8
e. Rekacorak Berasal Dari Buddha	11
f. Pokok Dan Bunga	12
g. Miscellaneus	13
Bab 3 - 3.1 Seni Gunaan China	16
a. Permukaan Corak Tekstil	16
b. Permukaan Corak Tembikar	20
c. Permukaan Corak Jed	23
d. Permukaan Corak Alat-alat Perak	25
Bab 4 - 4.1 Eksperimen Simbol-simbol Cina Ke Atas Kain	27
4.2 Teknik Batik Tulis/Canting	27
4.3 Proses Yang Dijalankan	28
4.4 Perkembangan Idea	28
4.5 Jenis-jenis Motif Yang Dipilih	32
4.6 Projek 1 dan 2	35
4.7 Projek 3 dan 4	41
Bab 5 - 5.1 Masalah-masalah	45
5.2 Langkah Mengatasi	45
5.3 Kesimpulan	48
Bab 6 - 6.1 Penutup	49
6.2 Bibliografi	50
6.3 Senarai Sisipan	51

1.1 Pendahuluan

Pada zaman dahulu masyarakat cina di negara China sangat tertarik kepada unsur-unsur fenomena alam semulajadi iaitu hujan, angin, bintang dan langit. Malahan agama dan kepercayaan mereka adalah berdasarkan kepada fenomena alam yang dianggap mempunyai kuasa tertentu.

Memang menjadi lumrah di dalam kehidupan ini, pasti akan menghadapi pelbagai masalah yang mendukakan ataupun sesuatu yang mengembirakan. Oleh itu mereka menyampaikannya melalui simbol-simbol. Bagi mereka mempercayai simbol merupakan suatu kewajipan.

Setiap Individu di dalam masyarakat cina amat terikat di dalam bidang senibina perkakas rumah, perhiasan, pakaian dan sebagainya. Mereka menyampaikan sesuatu perkara melalui simbol dan simbol menjadi corak di dalam setiap hasil seni masyarakat cina. Oleh sebab itulah banyak barang-barang kegunaan dan perhiasan cina mempunyai simbol-simbol yang mempunyai maksud tertentu contohnya simbol naga membawa maksud kekuasaan dan kebesaran.

Melalui tesis ini para pembaca akan didedahkan dengan lebih mendalam lagi tentang jenis-jenis simbol, maksud-maksud simbol dan di mana simbol-simbol tertentu kelihatan.

1.2 Hipotesis

Dari segi pengguna simbol-simbol di dalam barang teknik di negara kita agak kekurangan. Menggunakan simbol-simbol cina sebagai motif di dalam penghasilan batik amatlah sesuai kerana ia mempunyai keunikannya yang tersendiri dan menarik di samping mempunyai maksud-maksud tersendiri.

1.3 Sejarah Awal Corak Cina

Reka corak China mempunyai pengaruh yang kuat terhadap negara-negara, selain daripada Timur Tengah dan rekacorak cina ini bercirikan keugamaan. Pelukis dan pereka China seringkali menganggap diri mereka sebagai pesuruh atau hamba kepada Tuhan mereka. Pengarah Buddha telah meresap ke negeri China dari India di antara 300 tahun selepas masih hingga 600 tahun selepas masih. Ini kemudian telah disebatikan dengan kebudayaan awal China dan sememangnya telah wujud lebih awal dari tarikh itu. Selain daripada Buddha, kebudayaan China juga dipengaruhi oleh India dan Islam. Akitek-akitek China telah banyak mendirikan pagoda-pagoda yang tinggi atau tujuan keugamaan. Terdapat corak-corak yang telah diukir atau dilukis dipermukaan dinding pagoda ini. Ia lebih berunsurkan fahaman-fahaman Buddhism dan Confusionism. Dari sinilah maka timbulnya sejarah yang berbentuk seni China.

Pada awal-awal sejarah lagi China mempercayai bahawa seni adalah dikhaskan untuk orang-orang yang berpelajaran dan berkedudukan di kelas-kelas atasan. Rekacorak China adalah hasil dari kerjatangan atau lukisan yang menggunakan banyak tenaga dan daya pemikiran yang luas dan hanya dilukis oleh mereka yang betul-betul mahir dalam bidang ini. Setiap hasil seni China terdapat perubahan-perubahan pada setiap distinasi.